



Anwar mengadakan pertemuan mahabbah dengan Ulama dan Asatizah di Seri Perdana, Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

'Diberi mandat memimpin ketika hutang RM1 trilion'

BH - 12/12/2022 w/8: 2

Dakwaan selepas dapati berlaku kebocoran, ketirisan di setiap agensi: PM

Oleh Irwan Shafrizan Ismail dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mendedahkan, yang beliau mendapat mandat untuk menjadi Perdana Menteri dan memimpin dalam keadaan negara mempunyai hutang lebih RM1 trilion.

Perdana Menteri mendakwa, perkara terbabit bukan fitnah, sebaliknya diteliti di setiap agensi, di mana berlakunya kebocoran dan ketirisan.

"Saya kerja kuat meneliti fail-fail, sebab itulah beberapa projek ditangguhkan, teliti semula atau batalkan, bukan maksudnya untuk mencerca mana-mana tokoh politik, saya tidak sebut nama tokoh politik.

"Tapi saya kata projek tebatan banjir kerana banjir itu menyeksa rakyat dan yang jadi mangsa itu orang miskin dan majoriti yang miskin itu Melayu

"Sebab itu kalau kita nak belanjakan kita kena teliti, ini soal tadbir urus, mengurus negara

itu harus dengan ketertiban, peraturan dan ke arah yang betul.

"Jadi bila saya lihat umpamanya dilulus dengan spontan projek tebatan banjir, syarikat-syarikat dipertikai, beberapa persoalan tidak dijawab, saya minta ditangguhkan dan diteliti semula," katanya.

Beliau mendedahkan demikian dalam ketika berucap pada Program Pertemuan Mahabbah Perdana Menteri bersama Ulama dan Asatizah di Seri Perdana di sini, petang semalam.

Hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar; Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Luqman Abdullah dan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Agama Selangor, Mohd Zawawi Ahmad Mughni.

Kaji projek

Anwar berkata, beliau akan ke Kementerian Kewangan lagi hari ini, untuk mengkaji projek berkenaan.

"Benar, itu bukan fitnah, sebaliknya memang sudah diluluskan tapi belum sempat dilaksanakan kerana pilihan raya," katanya.

Dalam ucapannya juga, Anwar berkata, beliau memberi amaran untuk memecat serta-merta mana-mana Jemaah Menteri yang terbabit dengan aktiviti rasuah.

Perdana Menteri menegaskan, beliau tidak akan bertolak ansur dalam soal itu kerana ia berkait dengan pelanggaran tatakelola.

"Saya sudah bercakap dengan semua ketua-ketua parti komponen, kalau ada kes seperti itu (rasuah) ketika pemerintahan saya. Saya minta pecat serta-merta. Saya tidak tolak ansur dan ini bukan soal politik. Ini adalah keyakinan saya.

"Saya telah dihumban ke penjara dan dipukul setengah mati dan sudah lama terseksa dan saya bukan mahu mendabik dada sebab aku menang," katanya.

Anwar menegaskan, beliau tidak pernah memberi jaminan kepada sesiapa bahawa mereka akan dilepaskan daripada hukuman, sekiranya diputuskan oleh hakim yang bebas dan adil.

Katanya, jika sedia berkompromi, beliau sudah menjadi Perdana Menteri bertahun-tahun lebih awal dari sekarang.

"Kebebasan, profesionalisme badan-badan kerajaan, saya adakan beberapa pertemuan dengan Ketua Polis Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Peguam Negara dan lain-lain, yang memberi gesaan yang sama

"Saya membuktikan bahawa ada orang Melayu, anak Melayu yang gunakan kuasa untuk menjaga dan membela nasib rakyat terbanyak

"Saya nak buktikan bahawa orang yang percaya kepada Islam itu dihormati, diyakini kerana prinsip rahmah dan keadilan yang ditegakkan," katanya.